

Suruhan buat baik dan cegah mungkar

FIRMAN Allah SWT yang bermaksud: Itulah ayat-ayat keterangan Allah, Kami bacakan Dia kepadamu (Wahai Muhammad) dengan benar. Dan (ingatlah), Allah tidak berkehendak melakukan kezaliman kepada sekalian makhluk-Nya.

Dan bagi Allah jualah hak milik segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan kepada Allah jualah dikembalikan segala urusan. Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

Dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasiq. (ali-'Imran: 108-110)



SEMANGAT gotong-royong satu cara membina ukhuwah sesama Muslim. - Gambar hiasan

Oleh **DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI**

SHEIKH Muhammad Abu Zahrah berkata: Selepas Allah menceritakan berkenaan Yahudi dalam sejarah mereka dan bagaimana mereka disesatkan oleh hawa nafsu serta Abbasiyah keturunan hingga ditegah mereka daripada sampai kepada cahaya kebenaran lantas Allah menyebut pula berkenaan dengan ayat-ayat-Nya untuk diambil iktibar dan manfaat.

Iktibar dan fiqh ayat 108:

- Al-Maraghi berkata: "Setiap perintah dan larangan yang diberikan Allah SWT kepada mereka semata-mata dimaksudkan untuk memberi petunjuk kepada mereka, menyempurnakan fitrah mereka, dan menyempurnakan lagi tata tertib jemaah mereka.
- "Jika menderhakai perintah-Nya, nescaya mereka akan dikenakan bencana. Hal ini bermaksud mereka telah menzalimi diri mereka sendiri lantaran perpecahan dan perselisihan mereka dan perbuatan dosa yang lain yang mencakupi tata tertib masyarakat dan menjadikan warganya sengsara".
- Sheikh Muhammad al-Thahir Ibn Asyur dalam tafsirnya al-Tahrir wa al-Tanwir mengemukakan bahawa tilawah adalah mengulangi suatu ucapan dengan maksud menyampaikannya sesuai redaksinya. Ia sama dengan qiraat hanya untuk mengulangi suatu pembicaraan yang tertulis.
- Hamka berkata: "Islam akan terus hidup selama dakwah masih dilakukan dan akan terpadam sekiranya ia telah padam dan tidak aktif. Akan berlaku perpecahan dan

perselisihan yang sangat ketara dan semuanya akan hancur lebur dimamah usia mahupun tidak terlibat secara langsung dalam memartabatkan Islam".

- Al-Sonhadji berkata: "Apa-apa yang telah Allah SWT jelaskan daripada al-Quran dan yang telah lalu itu, adalah benar jangan diragukan lagi. Dan tiadalah Allah menghendaki penganiayaan terhadap penduduk alam.
- "Tuhan tidak akan menganiaya sesiapa pun daripada hamba-Nya umpamanya menyiksa seseorang dengan tidak ada kesalahan. Hanya orang yang berbuat maksiat atau derhaka terhadap Tuhan jualah yang menganiaya dirinya sendiri".

Iktibar dan fiqh ayat 109:

- Ibn Kathir berkata: "Semuanya adalah milik Allah dan hamba kepada-Nya sedangkan Dia yang melaksanakannya di dunia atau di akhirat segala urusan".
- Al-Maraghi berkata: "Seorang membebaskan hambanya atau membebani binatang-Nya di luar kemampuannya, dia dikatakan orang yang zalim dan seorang yang mengurugi hak orang lain, bererti dia telah melakukan kezaliman kepadanya".
- Hamka berkata: "Dengan ayat ini Tuhan menjelaskan bahawa buka saja dalam pergaulan hidup manusia ada sosiologi, falsafah sejarah, kenaikan dan keruntuhan, pasang naik dan pasang surut, keinsafan dan kelalaian bahkan merekalah punca saya lewat hadir ke sekolah.
- "Di mana-mana sahaja manusia tidak akan dapat lari daripada peraturan".
- Al-Sonhadji berkata: "Setelah Allah menjelaskan bahawasanya Allah itu

tidak berkehendak dan tidak berhajat sama sekali untuk menganiaya sesiapa pun dari penduduk alam ini, lalu menyatakan pula sifat kesempurnaan-Nya dengan menunjukkan kebesarannya iaitu langit dan bumi dengan segala isinya itu adalah kepunyaan-Nya.

"Dan urusan semua makhluk-Nya akan terpulung kepada-Nya untuk menguruskannya".

Sebab Nuzul ayat 110

Ibn Jauzi berkata: Sebab nuzul ayat ini bahawa Malik bin Al-Daif dan Wahab bin Yahuz, kedua-duanya di kalangan Yahudi berkata kepada Ibn Mas'ud dan Salim: Agama kami lebih baik daripada apa yang kamu dakwah dan kami lebih afdal daripada mu.

Lantas turun ayat ini dan inilah pendapat Ikrimah dan Muqatil.

Iktibar dan fiqh ayat:

Dalam konteks sosiologis, umat adalah himpunan manusiawi yang seluruh anggotanya menuju satu arah yang sama, tolong menolong dan bergerak secara dinamik di bawah kepimpinan yang padu.

- Ibn Jauzi berkata: "Empat pendapat berkenaan maksud ayat ini:
 - Ahli Badar.
 - Golongan Muhajirin.
 - Semua sahabat.
 - Semua umat Nabi Muhammad SAW.
 Seluruh pendapat tersebut dinisbahkan kepada Ibn Abbas.
- Al-Maraghi berkata: "Umat Islam ini tetap menjadi umat yang terbaik selama mana mereka tidak meninggalkan tugas menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran.

"Kedua-dua tugas ini (menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran) ditinggalkannya sejak timbulnya pemerintahan diktator, yang dipopularkan oleh raja dan amir dari golongan Bani Umayyah dan pemerintah yang meniru jejak langkah mereka.

Orang pertama dari pemerintah Bani Umayyah yang berani melakukan perbuatan maksiat dan kurang ajar adalah Abd. Malik Ibn Marwan, ketika di atas mimbar beliau berkata: "Barang siapa yang berani menegurku dengan ungkapan takutlah kamu kepada Allah SWT, nescaya aku akan penggal lehernya".

- Muhammad Quraish Shihab berkata: "Ayat di atas menggunakan kata ummah atau umat. Kata ini digunakan untuk menunjuk semua kelompok yang dihimpun oleh sesuatu seperti agama yang sama, waktu atau tempat yang sama, baik penghimpunannya secara terpaksa, mahupun atas kehendak mereka.
- Demikian al-Raghib dalam *al-Mufradat Fi Gharib al-Quran*. Bahkan al-Quran dan hadis tidak membatasi pengertian umat hanya pada kelompok manusia. *Tidak satu burung pun yang terbang dengan kedua sayapnya kecuali umat-umat juga seperti kamu.* (Terjemahan surah al-An'am: 38).

Semut yang berkeliaran, juga umat dari umat-umat Tuhan. (riwayat Muslim).

- Hamka berkata: "Pada ayat yang telah lalu telah diperintahkan dengan nyata dan tegas supaya di kalangan jemaah Islamiah itu diadakan umat yang khusus menyuruh kepada kebaikan dan melarang perbuatan yang mungkar.
- "Dijelaskan sekali lagi, bahawa kamu mencapai darjat yang tinggi kerana memenuhi ketiga-tiga syarat iaitu amar makruf nahi munkar, iman kepada Allah SWT dan ketiga itulah disebut sebaik-baik umat".
- Al-Sonhadji berkata: "Tuhan telah menyifatkan demikian terhadap Nabi Muhammad SAW serta sahabat-sahabatnya waktu turunnya ayat ini. Mereka telah bermusuhan sesama mereka pada masa lampau kemudian disatukan hati mereka lalu berpegang teguh dengan tali Allah SWT.
- Al-Sonhadji berkata: "Kebaikan umat bergantung kepada tiga perkara:
 - Menyuruh berbuat kebajikan.
 - Melarang melakukan kejahatan.
 - Percaya kepada Allah SWT.

Jika ini ditinggalkan, sudah tidak ada lagi kebaikannya kepada umat.

Semoga Allah menjadikan kita golongan yang putih mukanya dan berseri kerana mendapat rahmat Allah. Amin.